

Analisis Kefahaman dan Pengamalan Akidah dalam Kalangan Pelajar Diploma UiTM Sabah

BITARA

Volume 8, Issue 1, 2025: 221-232
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 5 January 2025
Accepted: 26 February 2025
Published: 4 March 2025

[An Analysis of Understanding and Practice of Faith Among Diploma Students at UiTM Sabah]

Masnih Mustapa,¹ Masnora Malek,¹ Safarudin Rahim¹
& Fiqriyah Mohd Kunarto¹

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA
E-mail: masnih@uitm.edu.my; masnoramalek@uitm.edu.my; safarudinrahim@uitm.edu.my; fiqriyah@uitm.edu.my

*Corresponding Author: masnih@uitm.edu.my

Abstrak

Pemahaman akidah merupakan asas penting dalam pembentukan pegangan dan keperibadian seorang Muslim. Namun, dalam era globalisasi yang penuh dengan cabaran intelektual dan sosial, tahap kefahaman akidah dalam kalangan pelajar semakin dipersoalkan. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa walaupun pelajar mempunyai asas kepercayaan yang baik, terdapat aspek-aspek tertentu dalam akidah yang kurang difahami secara mendalam, terutamanya berkaitan dengan konsep ketuhanan dan kepercayaan kepada kitab-kitab suci. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap pemahaman dan penghayatan terhadap akidah dalam kalangan pelajar diploma di UiTM Sabah. Instrumen soal selidik yang digunakan merangkumi 20 item berkaitan asas akidah, termasuk Rukun Iman, kepercayaan kepada kitab-kitab suci, serta konsep malaikat. Maklumat yang dikumpulkan daripada 554 responden dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dengan bantuan perisian SPSS versi 30.0. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, tahap pemahaman pelajar berada pada tahap yang memuaskan, dengan beberapa elemen seperti kepercayaan terhadap Allah dan kepercayaan kepada hari kiamat menunjukkan penghayatan yang sangat baik. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pemahaman konsep-konsep tertentu yang lebih kompleks, seperti Sifat 20 Allah S.W.T. dan kitab-kitab yang wajib diketahui. Hasil kajian ini mencadangkan keperluan pendekatan pendidikan akidah yang lebih menyeluruh dan relevan bagi memperkuatkkan pemahaman pelajar dalam mendepani cabaran kehidupan moden.

Kata kunci: Akidah; Penghayatan Iman; Rukun Iman; UiTM Sabah.

Abstract

The understanding of 'aqīdah (Islamic creed) is a fundamental foundation in shaping the beliefs and character of a Muslim. However, in the era of globalization, which is filled with intellectual and social challenges, the level of 'aqīdah comprehension among students has increasingly been questioned. Previous studies have indicated that although students possess a good basic belief system, certain aspects of 'aqīdah are not deeply understood, particularly regarding the concept of divinity and belief in the sacred scriptures. Therefore, this study was conducted to assess the level of understanding and appreciation of 'aqīdah among diploma students at UiTM Sabah. The questionnaire instrument used in this study consists of 20 items related to the fundamentals of 'aqīdah, including the Pillars of Faith (Rukun Iman), belief in the divine scriptures, and the concept of angels. Data collected from 554 respondents were analyzed using descriptive methods with the aid of SPSS version 30.0. The findings indicate that overall, students' understanding is at a satisfactory level, with certain elements such as belief in Allah and belief in the Day of Judgment demonstrating a strong level of appreciation.

However, there are weaknesses in comprehending more complex concepts, such as the 20 Attributes of Allah (Sifat 20) and the divine scriptures that must be acknowledged. The results of this study suggest the need for a more comprehensive and relevant 'aqīdah education approach to strengthen students' understanding in facing the challenges of modern life.

Keywords: 'Aqīdah; Appreciation of Faith; Pillars of Faith; UiTM Sabah



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Masnih Mustapa, Masnora Malek, Safarudin Rahim, Fiqriyah Mohd Kunarto. (2025). Analisis Kefahaman dan Pengamalan Akidah dalam Kalangan Pelajar Diploma UiTM Sabah [An Analysis of Understanding and Practice of Faith Among Diploma Students at UiTM Sabah]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 221-232.

Pengenalan

Pendidikan akidah berfungsi sebagai elemen asas dalam pembentukan jati diri serta identiti Muslim, khususnya bagi pelajar yang sedang menghadapi pelbagai cabaran dalam arus kehidupan moden yang semakin kompleks. Kefahaman dan penghayatan akidah yang mendalam bukan sahaja memastikan keimanan yang teguh, tetapi juga menjadi asas kepada tingkah laku serta amalan hidup yang selari dengan ajaran Islam. Kajian kalangan pelajar diploma di UiTM Sabah amat relevan untuk menilai sejauh mana mereka memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip akidah, terutama apabila berdepan dengan pengaruh globalisasi dan perubahan sosial yang pesat.

Tinjauan Kajian Lepas

Kajian terhadap kefahaman akidah dalam kalangan remaja sering menumpukan kepada faktor dalaman yang mempengaruhi penghayatan nilai-nilai keagamaan. Faktor intrinsik seperti keteguhan iman, pengaruh keluarga, serta sokongan daripada rakan sebaya merupakan elemen utama dalam pembentukan identiti Islam dalam kalangan remaja. Fatmawati (2016) mendapatkan bahawa sokongan keluarga yang positif menguatkan akidah remaja, manakala pengaruh rakan sebaya yang baik membantu memperkuatkannya kepercayaan mereka terhadap asas-asas keimanan.

Remaja kini terdedah kepada pelbagai cabaran sosial dan budaya yang menguji keimanan mereka. Isu-isu seperti pengaruh media sosial, materialisme, dan individualisme sering mempengaruhi pemikiran serta tingkah laku mereka. Penelitian oleh Nor Hartini Saari (2014) menunjukkan bahawa kefahaman akidah yang mantap menjadi benteng dalam menghadapi gejala sosial yang negatif. Remaja yang memiliki asas akidah yang kukuh cenderung untuk membuat keputusan yang berlandaskan nilai-nilai agama, sekali gus

menghindarkan mereka daripada terjebak dalam aktiviti yang merosakkan.

Kesan tidak memiliki akidah yang mantap adalah serius dan boleh membawa kepada pelbagai implikasi negatif. Remaja yang lemah dalam pemahaman akidah mudah terpengaruh dengan ideologi yang bercanggah dengan ajaran Islam. Kajian yang dijalankan oleh Khairul Hamimah Mohammad Jodi (2006) menunjukkan bahawa kelemahan dalam asas akidah boleh membawa kepada krisis identiti, ketidakstabilan emosi, serta peningkatan masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah dan amalan pergaulan bebas. Situasi ini menekankan keperluan untuk memperkasakan pendidikan akidah dalam kalangan remaja.

Berdasarkan tinjauan tersebut, terdapat kekurangan kajian yang secara khusus menumpukan kepada isu akidah dalam kalangan remaja, khususnya pelajar di UiTM Sabah. Justeru, kajian ini dilaksanakan dengan matlamat untuk menyumbangkan input baharu serta menyediakan maklumat berkaitan tahap pengetahuan dan penguasaan terhadap konsep akidah dalam kalangan mereka. Diharapkan daptan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan penanda aras dalam merangka program keagamaan yang lebih berkesan.

Definisi Akidah

Terdapat enam rukun iman yang menjadi kerangka asas akidah dan kepercayaan yang meliputi beriman kepada Allah S.W.T., malaikat, kitab suci, para rasul, hari pembalasan, dan ketentuan qada' dan qadar. Setiap komponen ini membentuk asas kepercayaan yang menyeluruh dalam pembangunan rohani seorang Muslim (Al-Qahtani, 2023).

Istilah akidah merangkumi keseluruhan sistem kepercayaan yang membentuk pandangan dan cara hidup seseorang Muslim (Zakaria & Yunus, 2021). Dalam hal ini, perspektif pendidikan Islam semasa turut menekankan kepentingan memahami akidah sebagai suatu sistem yang dinamik yang mana perlu disesuaikan dengan cabaran semasa dan memastikan relevansasi akidah dalam konteks kehidupan moden sambil memelihara keaslian ajarannya. (Ibrahim & Hamid, 2020).

Akidah merangkumi pembentukan hubungan spiritual yang erat dan mendalam antara manusia dengan Penciptanya. Ia melibatkan penerimaan serta menyerahkan diri kepada ketentuan tuhan dalam setiap aspek kehidupan, berasaskan keimanan yang kukuh (Hassan, 2022). Dalam iman memberi pengertian mengenai pemahaman akidah perlu merangkumi tiga dimensi utama iaitu kepercayaan dalam hati, pengakuan melalui lisan, dan manifestasi melalui tindakan (Zakaria & Yunus, 2021).

Pemahaman terhadap konsep akidah perlu dilihat secara holistik, merangkumi aspek teoretikal dan praktikal dalam kehidupan seorang Muslim. Akidah sebagai asas kepada kepercayaan Islam membentuk asas pemikiran serta tindakan yang berlandaskan keimanan kepada Allah SWT.

Kepentingan Akidah Bagi Seorang Muslim

Pengukuhan pemahaman akidah sangat penting dalam membina generasi Muslim yang mampu mengekalkan identiti keislamannya sambil menghadapi arus pemodenan dengan berkesan.

Kajian daripada Abdullah dan Yusoff (2019) mendapati bahawa pendidikan akidah adalah komponen utama dalam membentuk Muslim berkualiti. Hasil kajian mereka mendapati pelajar yang memahami asas akidah dengan baik lebih cenderung mengaplikasikan prinsip Islam dalam kehidupan. Rahman dan Ismail (2022) turut menemui hubungan positif di antara kefahaman akidah dengan pembentukan tingkah laku terpuji dalam kalangan remaja beragama Islam.

Ahmad et al. (2023) telah dalam kajian kualitatif terhadap 50 belia Muslim di kawasan bandar telah menunjukkan kepentingan asas akidah dalam pembinaan identiti Muslim yang teguh menghadapi era global. Penemuan ini selari dengan hasil kajian Mohamad dan Ibrahim (2020) yang mengesahkan hubungan positif antara kekuatan akidah dengan tahap keyakinan individu dalam mengendalikan isu-isu moden.

Tinjauan kajian lepas jelas menunjukkan kepentingan akidah yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan Muslim kontemporari. Akidah memainkan peranan yang besar dalam membentuk Muslim yang berkualiti dan berdaya tahan bermula dari pembentukan identiti. Kajian-kajian yang telah dilaksanakan juga menunjukkan kepentingan memperkasakan pendidikan dan penghayatan akidah seiring dengan cabaran semasa yang semakin kompleks.

Rukun Iman dalam Konteks Akidah Seorang Muslim

Rukun iman merupakan elemen asas yang menjadi elemen utama dalam akidah Islam. Menurut Imam al-Ghazali (1986), keimanan ini harus dilafazkan melalui lisan, diyakini sepenuh hati, dan diterjemahkan dalam bentuk amalan. Ini bermaksud iman merupakan gabungan keyakinan, kata-kata dan perbuatan seseorang. Keraguan pada salah satu rukun iman boleh mengakibatkan iman seseorang terbatal.

Abu Sa'id al-Kharraz (1937), seorang ahli sufi yang hidup pada abad ke-3 Hijrah menyebut dalam kitab al-Sidq' bahawa beriman kepada Allah bermaksud seseorang itu mengetahui, mengakui dan mengakui serta bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya. Pengakuan serta keyakinan yang teguh di dalam hati tentang keEsaan Allah merupakan prinsip utama tauhid yang menjadi asas dalam akidah Islam. Kewujudan Allah Yang Maha Esa sering kali ditegaskan dalam al-Quran, dengan salah satu penegasan tersebut terkandung dalam Surah al-Ikhlas. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Katakanlah (Muhammad): Dialah Allah yang Maha Esa" [Surah al-Ikhlas, 112:1]

Keimanan kepada Allah turut ditunjukkan melalui pengesaan-Nya sebagai satu-satunya Rab dan Ilah, serta pengiktirafan terhadap keesaan Allah dalam semua 99 Nama-Nya. Menurut Abu Mansur al-Maturidi, terdapat 20 sifat kesempurnaan Allah yang perlu difahami secara terperinci (Noraine, 2024). Keyakinan ini tidak cukup sekadar dengan iktikad di dalam hati, tetapi dizahirkan dilafazkan melalui kata-kata, disahkan dengan keyakinan hati, dan dibuktikan melalui perbuatan serta amalan yang konsisten.

Rukun iman kedua merujuk keimanan kepada malaikat. Keimanan ini membawa maksud mempercayai dan meyakini kewujudan malaikat sebagai makhluk ghaib yang diciptakan oleh Allah S.W.T. dan sentiasa taat serta patuh kepada setiap perintah-Nya. Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Mereka (malaikat) tidak derhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang

diperintahkan”[Surah al-Tahrim, 66:6]

Rukun ketiga, beriman kepada kitab suci, yakin bahawa Allah S.W.T. telah menurunkan kitab ini kepada para rasul yang dipilih-Nya sebagai pedoman hidup bagi umat manusia. Kitab-kitab tersebut merupakan kalam Allah yang mutlak, bukan hasil ciptaan atau rekaan mana-mana makhluk. Tuntutan untuk beriman kepada kitab-kitab suci ini telah ditegaskan melalui firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Tetaplah beriman kepada Allah dan RasulNya (Muhammad) dan kepada Kitab (al-Quran) yang diturunkan kepada RasulNya, serta kitab yang diturunkan sebelumnya”.[Surah al-Nisa’, 4:136]

Manakala, rukun keempat ialah beriman kepada nabi dan rasul, merujuk kepada keyakinan yang kukuh bahawa Allah S.W.T. telah mengutuskan para nabi dan rasul kepada setiap umat sebagai pembimbing kepada jalan yang benar. Peranan utama mereka adalah untuk menyeru manusia agar menyembah Allah S.W.T. dan menjauhi segala bentuk taghut, iaitu perbuatan atau kepercayaan yang menyekutukan Allah. Perkara ini ditegaskan melalui firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Dan sungguh, Kami telah mengutus seorang rasul untuk setiap umat (untuk menyerukan): Sembahlah Allah dan jauhilah taghut”.[Surah al-Nahl, 16:36]

Rukun iman kelima ialah keimanan kepada hari kiamat. Setiap Muslim diwajibkan meyakini dengan penuh keyakinan bahawa hari kiamat pasti akan berlaku, sebagaimana dinyatakan dalam dalil al-Quran dan hadith yang menggambarkan peristiwa besar ini. Hari kiamat merupakan waktu di mana seluruh alam semesta akan musnah, diikuti dengan penciptaan kehidupan akhirat sebagai tempat manusia menerima pembalasan atas segala perbuatan mereka di dunia (Sayid Sabiq, 2010).

Hari kiamat termasuk dalam perkara ghaib kerana manusia tidak diberi pengetahuan tentang waktu tepat berlakunya peristiwa tersebut. Allah berfirman: “Sungguh, hari kiamat itu akan datang, Aku merahsiakan (waktunya) agar setiap orang dibalas sesuai dengan apa yang telah dia usahakan”.[Surah Taha, 20:15]

Qada’ dan qadar adalah rukun terakhir yang merujuk kepada keyakinan serta penerimaan segala yang terjadi adalah kehendak Allah S.W.T. (Al-Duri, 2012). Takdir ini terbahagi kepada dua kategori: tidak boleh diubah, seperti jantina, dan yang boleh diubah, seperti rezeki, melalui ikhtiar dan doa selaras dengan hadis riwayat al-Bukhari dalam al-Sahih (2067): Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Barangsiaapa yang suka dimurahkan rezeki dan dipanjangkan umur, maka hubungkanlah silaturahim”. [Riwayat al-Bukhari]

Kefahaman yang benar dan kepercayaan yang teguh terhadap setiap rukun iman merupakan penentu asas akidah yang benar bagi seseorang Muslim. Maka, umat Islam bukan sahaja wajib mempercayai dan meyakini kesemua rukun iman, tetapi juga dituntut untuk mempelajari dan memahaminya untuk membentuk sebuah keyakinan akidah yang teguh, sehingga tidak mudah terpengaruh dengan ajaran yang terpesong daripada landasan akidah yang sebenar.

Perkara yang Merosakkan Akidah

Akidah memainkan peranan besar dalam membimbing kehidupan seorang Muslim ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan. Fungsi akidah dalam kehidupan dapat dilihat melalui beberapa aspek utama:

1. Menjadi landasan kukuh untuk pegangan hidup setiap individu.
 2. Membentuk akhlak yang luhur dan keperibadian yang terpuji.
 3. Bertindak sebagai perisai yang menjaga seseorang dari terjerumus kepada perkara yang dimurkai
 4. Membantu seseorang mengelakkan pengaruh ajaran yang sesat dan menyimpang.
 5. Menjadi sebab untuk mendapatkan rahmat, perlindungan

Sepanjang 13 tahun pertama baginda berdakwah di Mekah, Nabi Muhammad S.A.W memberi penekanan terhadap pengukuhan akidah dalam kalangan sahabat terdekat. Akidah diibaratkan sebatang pokok yang akarnya menghunjam dalam dan batangnya berdiri teguh, sebagaimana digambarkan oleh Allah S.W.T. dalam Surah Ibrahim, ayat 24 dan 25, yang bermaksud:

٢٤ الْمُتَّرَكِيفُ صَرَبَ اللَّهُ مَتَّلًا كَلْمَةً طَيِّبَةً كَشَحَرَةً طَيِّبَةً أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ

Maksudnya: Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit.

٢٥ ثُوَتِي أَكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لِعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya: Dia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhan-Nya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran).

Pemahaman atau ajaran-ajaran seperti ini berpotensi menimbulkan kekeliruan dan tekanan dalam kalangan masyarakat umum terutamanya kepada seseorang muslim yang kurang ilmu dalam akidah dan pegangan iman. Jika seseorang tidak berpegangan akidah individu tersebut mudah terpengaruh dengan propaganda serta ideologi yang menyesatkan. Antara aliran yang menjadi ancaman terhadap akidah umat Islam termasuklah:

Mempercaya Amalan Khurafat dan Unsur Tahyul

Menurut Mohd Kamel Mat Salleh (2021), kepercayaan kepada khurafat dan tahayul menggambarkan seolah-olah wujud kuasa lain yang melebihi kebesaran Allah S.W.T. dalam mengatur kehidupan dan alam semesta. Pandangan seperti ini secara jelas bertentangan dengan akidah Islam dan menyalahi prinsip keimanan kepada Allah. Setiap individu yang beriman diwajibkan memiliki keyakinan yang teguh dan pasti (jazam) bahawa tiada kuasa selain Allah yang mampu mendatangkan manfaat atau mudarat, serta tiada yang layak disembah hanyalah Allah Yang Maha Esa.

Dalam konteks akidah, khurafat merujuk kepada kepercayaan atau amalan yang bercanggah dengan syariat Rasulullah S.A.W. Selain itu, ia turut merangkumi amalan yang

tidak berlandaskan kebenaran atau dalil yang sahih. Oleh itu, umat Islam diwajibkan untuk meyakini bahawa agama Islam merupakan agama yang murni, bebas daripada unsur-unsur yang tidak membawa manfaat atau kebaikan. Islam dengan tegas menolak segala bentuk amalan yang bersifat khayalan, perbuatan yang tidak rasional, serta perkara bertentangan dengan ajaran al-Quran dan hadith.

Kepercayaan terhadap khurafat memberikan implikasi besar kepada umat Islam, termasuk risiko kerosakan akidah yang berpotensi membawa kepada kekufuran dan syirik terhadap Allah S.W.T. Oleh yang demikian, kepercayaan kepada perkara-perkara khurafat dianggap sebagai bidaah yang tercela dan wajib dijauhi oleh setiap Muslim.

Kufur

Kufur merujuk kepada tindakan menolak atau mengingkari kewujudan Allah S.W.T. dan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W., termasuk sikap tidak mensyukuri nikmat yang telah dikurniakan oleh-Nya. Tindakan sebegini jelas bertentangan dengan prinsip keimanan yang menjadi asas akidah dalam Islam. Sebagaimana Allah S.W.T. berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَا زَيْدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ^٧

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras".

Seseorang muslim tidak seharusnya kufur kepada Allah SWT kerana akan menyebabkan akidahnya rosak dan tindakan tersebut bertentangan dengan asas keimanan yang menjadi pegangan agama Islam. Kufur berlaku apabila seseorang menolak kebenaran Allah, mengingkari wahyu-Nya, atau melakukan perbuatan syirik dengan menyekutukan Allah dengan makhluk lain. Perkara ini boleh membawa kepada hilangnya status sebagai seorang Muslim, kerana akidah yang betul merupakan syarat utama dalam beriman.

Akidah adalah asas kepercayaan dalam agama Islam yang menjadi tunjang kepada keimanan seseorang dalam meyakini Allah yang maha besar. Menurut Aisyah Fadhilah (2021), akidah terbahagi kepada enam rukun utama yang bertujuan membimbing umat Islam menjauhi segala larangan serta mengelakkan tindakan yang bertentangan dengan prinsip keimanan dan keyakinan terhadap Allah sebagai Pencipta. Islam secara tegas melarang umatnya bergantung kepada amalan yang boleh merosakkan akidah dan mengingatkan agar menjauhkan diri daripada segala perkara yang berpotensi membawa kepada kekufuran.

1. **Kufur Ingkar:** Ingkar dengan segala perintah Allah, Rasul dan ajarannya. Ciri-ciri orang yang kufur itu seperti, orang yang hanya mengejar dunia sahaja.
2. **Kufur Juhud:** Menolak semua ajaran Allah dengan keadaan sedar bahawa apa yang ditolak itu adalah kebenaran atau memiliki keyakinan dalam hati tetapi mengucapkan

sebaliknya dengan lidah.

3. Kufur *Nifaq*: Individu tersebut dikenali sebagai seorang yang munafik iaitu mereka yang mengaku mempercayai Allah SWT melalui ucapan tetapi sebenarnya mengingkarinya dalam Hati.
4. Kufur Syirik: Tindakan tersebut dikategorikan sebagai perbuatan syirik, iaitu menduakan Tuhan.
5. Kufur Nikmat: Menyalahgunakan kurniaan Allah
6. Kufur *Riddah*: Kufur Riddah yang dikenali sebagai perkataan Murtad bermaksud kembali kepada kekafiran selepas memeluk Islam. Pada zaman Nabi Muhammad SAW peristiwa kemurtadan berlaku dalam kalangan beberapa puak seperti Bani Mudlaj, Bani Hanifah dan Bani Asad.

Riddah (Murtad)

Istilah murtad dipetik dari Bahasa Arab yakni, Riddah yang bermaksud berpaling atau Kembali semula dari sesuatu kepada perkara lain. Dari sudut istilah syarak, murtad merujuk kepada tindakan seseorang meninggalkan agama Islam dan kembali kepada kekufturan. Perbuatan ini boleh berlaku melalui tiga cara utama: niat dalam hati, perbuatan, atau percakapan, sama ada dilakukan secara bergurau, menentang, atau berdasarkan kepercayaan tertentu (Chabidi, 2023).

Di Malaysia, murtad dianggap sebagai kesalahan serius yang bukan sahaja mencemarkan akidah tetapi juga tindakan undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah setiap negeri. Menurut Shiddeq (2015), Seksyen 63 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995 memperuntukkan hukuman berupa denda maksimum RM5,000, hukuman penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya bagi individu yang cuba memurtadkan seorang Muslim.

Di Wilayah Persekutuan pula, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Akta 559, melalui Seksyen 7, menetapkan hukuman serupa terhadap mereka yang mendedahkan umat Islam kepada amalan atau kepercayaan agama lain, yang bertujuan memurtadkan mereka.

Kesalahan berkaitan pengembangan doktrin atau kepercayaan agama selain Islam kepada umat Islam dikawal melalui Undang-undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1988 di negeri Perak. Enakmen ini memperuntukkan hukuman denda maksimum sebanyak RM3,000, penjara tidak lebih daripada dua tahun, atau kedua-duanya sekali. Selain itu, menurut Seksyen 63 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995, percubaan untuk murtad juga dikategorikan sebagai satu kesalahan. Hukuman yang dikenakan melibatkan penahanan di pusat bimbingan Islam bagi tempoh maksimum 36 bulan. Tujuan utama hukuman ini adalah untuk memberikan pendidikan agama yang menyeluruh serta memastikan individu yang terlibat bertaubat dengan sepenuh hati selaras dengan hukum syarak (Chabidi, 2023).

Metodologi

Kajian ini melibatkan pelajar semester pertama dari 11 program diploma di Universiti Teknologi MARA (UiTM), dengan jumlah keseluruhan responden seramai 554 pelajar bagi semester Oktober 2024 hingga Januari 2025. Kajian ini menggunakan borang yang terbahagi kepada:

- Bahagian A: Demografi responden.
- Bahagian B: Bahagian ini mengandungi 20 item yang berpusat kepada konsep Rukun Iman sebagai asas akidah. Setiap item dinilai berdasarkan skala Likert yang terdiri daripada lima tahap, bermula dari 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju).

Item soal selidik dalam kajian ini pernah diterapkan sebelumnya yang melibatkan pelajar UiTM Pahang. Namun, kajian terdahulu tersebut difokuskan kepada pelajar semester akhir (Asjad et al., 2013).

Dapatkan yang dikumpulkan telah diproses melalui aplikasi SPSS versi 30.0, bagi memastikan proses analisis dan dapatan yang diperoleh adalah tepat serta boleh dipercayai dengan pendekatan analisis deskriptif bagi memberikan gambaran menyeluruh terhadap kefahaman dan amalan akidah dalam kalangan responden.

Dapatan Kajian

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, 554 pelajar bahagian pertama dari UiTM telah menyertai kajian ini. Berdasarkan jumlah tersebut, 373 orang (67.3%) adalah pelajar perempuan, manakala 181 orang (32.7%) adalah pelajar lelaki.

Jadual 1: Demografi

Perkara	Kekerapan%
1. Jantina:	
- Lelaki	373 (67.3%)
- Perempuan	181 32.7%
2. Kategori Umur Responden:	529 95.5%
• 17 hingga 19 tahun	23 (4.2%)
• 20 hingga 22 tahun	2 (0.4%)
• 23 tahun dan ke atas	
3. Program Pengajian:	554 (100%)
• Diploma	

4. Bahagian Pengajian:	554 (100%)
• Bahagian satu	
5. Aliran Sekolah Menengah:	84 (15.2%)
• Aliran Agama	470 (84.8%)
• Aliran Konvensional (Bukan Agama)	
6. Kemahiran Membaca Al-Quran:	211 (38.1%)
• Lemah	298 (53.8%)
• Sederhana	45 (8.1%)
• Baik	

Kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar bahagian 1 daripada 11 program diploma yang ditawarkan di UiTM. Program-program tersebut termasuk Diploma Perakaunan, Pentadbiran Awam, Sains, Pengurusan Pelancongan, Keusahawanan Tani, Pengurusan Industri Perladangan, Pengajian Perniagaan, Pengajian Perniagaan (Pengangkutan), Pengajian Perbankan, Sains Komputer, dan Pengurusan Hotel.

Jadual 1 memperincikan profil pelajar yang terdiri daripada kedua-dua jantina, dengan 67.3% pelajar perempuan dan 32.7% pelajar lelaki. Dari segi umur, majoriti pelajar, iaitu 95.5%, berada dalam lingkungan usia 20 hingga 22 tahun, diikuti oleh 4.2% dalam lingkungan 17 hingga 19 tahun, dan hanya 0.4% berusia 23 tahun ke atas.

Pelajar-pelajar ini datang daripada latar belakang pendidikan menengah yang berbeza, di mana 84.8% mengikuti aliran konvensional atau bukan agama, manakala 15.2% berasal daripada aliran agama. Dalam aspek kemahiran membaca al-Quran, data menunjukkan bahawa 53.8% pelajar berada pada tahap kemahiran yang baik, 38.1% berada pada tahap sederhana, dan 8.1% menunjukkan tahap kemahiran yang lemah.

Keseluruhan populasi kajian melibatkan 554 pelajar (100%), yang mencerminkan kepelbagaiannya dari segi latar belakang pendidikan dan tahap penguasaan agama. Hasil ini menunjukkan keperluan mendesak untuk pendekatan pendidikan yang lebih holistik dan bersesuaian, terutamanya dalam memperkuatkannya kemahiran membaca al-Quran serta meningkatkan kefahaman dan amalan agama dalam kalangan pelajar.

Jadual 2: Analisis Deskriptif

No.	Item	Min dan Sisihan Piawai
1	Rukun iman ada 5 perkara dan saya ingat semuanya	4.27 (1.00)
2	Asma' al-Husna ialah himpunan 99 nama-nama Allah Taala	4.83 (0.41)
3	Saya ingat semua sifat 20 Allah S.W.T	3.40 (0.49)
4	Allah S.W.T tidak beranak dan tidak diperanakkan	3.89 (0.32)
5	Nabi merupakan manusia yang maksum	3.73 (0.45)
6	Nabi Muhammad S.A.W adalah nabi terakhir yang diutuskan	3.92 (0.27)

7	Saya ingat semua sifat yang wajib bagi seorang nabi	3.60 (0.49)
8	Saya yakin bahawa al-Quran merupakan kalam Allah S.W.T	3.92 (0.28)
9	Saya tahu kesemua kitab yang wajib diimani	3.64 (0.48)
10	Kitab Zabur diturunkan kepada Nabi Ibrahim	3.35 (0.48)
11	Saya yakin bahawa malaikat merupakan makhluk Allah yang sentiasa taat kepada perintah Allah S.W.T	3.96 (0.21)
12	Saya tahu penciptaan malaikat adalah daripada api	3.40 (0.50)
13	Setiap orang Islam wajib meyakini tentang kewujudan hari kiamat	4.00 (0.00)
14	Saya yakin manusia akan dikumpulkan di padang Mahsyar untuk dihitung segala amalan	3.97 (0.18)
15	Saya insaf bila mendengar cerita tentang azab neraka	3.94 (0.24)
16	Saya tenang dan gembira bila mendengar tentang nikmat syurga	3.96 (0.19)
17	Saya yakin segala perkara dan kejadian telah ditentukan oleh Allah S.W.T	3.92 (0.45)
18	Saya terima dengan reda segala qada' dan qadar Allah S.W.T	3.90 (0.37)
19	Hanya Islam agama yang benar	3.87 (0.50)
20	Menafikan hukum menutup aurat adalah wajib boleh batalkan akidah seseorang	3.28 (1.14)
Keseluruhan		3.84 (0.42)

Jadual 2 menunjukkan tahap kefahaman dan amalan berakidah dalam kalangan responden menunjukkan keputusan yang umumnya baik, namun dengan beberapa aspek yang memerlukan peningkatan. Sebagai contoh, pengetahuan tentang Tahap pemahaman terhadap Rukun Iman mencatatkan min iaitu 4.27 dengan sisihan piawai 1.00. Sebaliknya, *Asma' al-Husna* mencatatkan tahap kefahaman yang tinggi dengan nilai min 4.83 manakala sisihan piawai sebanyak 0.41. Namun, ingatan terhadap Sifat 20 Allah S.W.T. berada pada tahap sederhana, iaitu 3.40 dan sisihan piawai 0.49.

Pemahaman terhadap konsep bahawa Allah tidak adalah satu dan tidak di beranak atau diperanakkan pada tahap yang baik, dengan min 3.89 manakala sisihan piawai iaitu 0.32. Kepercayaan bahawa Nabi Muhammad merupakan nabi terakhir juga menunjukkan tahap yang tinggi, dengan nilai min 3.92 dan sisihan piawai 0.27. Namun begitu, pengetahuan mengenai kitab-kitab yang wajib diimani dan Kitab Zabur berada pada tahap sederhana, dengan nilai min 3.64 (0.48) dan 3.35 (0.48).

Kepercayaan terhadap malaikat dan hari kiamat adalah sangat kukuh, mencatatkan min 3.96 (0.21) dan 4.00 (0.00) masing-masing. Emosi berkaitan azab neraka dan nikmat syurga menunjukkan kesedaran spiritual yang positif, dengan min 3.94 (0.24) dan 3.96 (0.19). Secara keseluruhan, walaupun terdapat tahap kefahaman yang baik dalam banyak aspek, beberapa topik masih memerlukan usaha untuk meningkatkan pemahaman dan keyakinan.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan kepentingan pendidikan akidah dalam membentuk generasi Muslim yang kuat dan berdaya tahan, khususnya dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan

moden. Hasil analisis menunjukkan bahawa kefahaman dan amalan berakidah dikalangan pelajar diploma di UiTM Sabah secara keseluruhan adalah baik. Namun demikian, terdapat beberapa elemen seperti Sifat 20 Allah S.W.T. dan kesemua kitab yang wajib diketahui yang memerlukan perhatian dan usaha penambahbaikan, khususnya dalam pemahaman terhadap konsep-konsep yang lebih mendalam.

Kajian ini turut mendapati bahawa tahap kesedaran spiritual pelajar adalah tinggi, terutama dalam aspek kepercayaan terhadap hari kiamat dan qada' dan qadar. Walau bagaimanapun, variasi dalam tahap pemahaman terhadap beberapa topik mencerminkan keperluan untuk menerapkan pendekatan pendidikan yang lebih menyeluruh dan berkesan bagi memperkuuhkan kefahaman akidah dalam kalangan pelajar. Dengan sokongan dan panduan yang sesuai daripada institusi pendidikan, guru, dan ibu bapa, diharapkan pelajar akan lebih memahami dan menghayati akidah Islam dalam kehidupan harian mereka.

Kesimpulannya, pendidikan akidah harus terus diperkasakan dan disesuaikan dengan cabaran semasa untuk memastikan bahawa nilai-nilai Islam kekal relevan dan difahami dengan baik oleh generasi muda. Usaha berterusan dalam memperkuuhkan kefahaman dan amalan akidah akan membantu melahirkan Muslim yang bukan sahaja berilmu tetapi juga mampu mengamalkan kepercayaan mereka dengan penuh keyakinan dan kesedaran.

Rujukan

- Abdullah, M., & Yusoff, Z. M. (2019). Pemerksaan Akidah dalam Pendidikan Islam Kontemporari. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 45-62.
- Ahmad, S., Rahman, N., & Ibrahim, M. (2023). Pembentukan Identiti Muslim Melalui Pendidikan Akidah. *Journal of Islamic Studies*, 16(2), 78-95.
- Al-Qahtani, A. (2023), "Pendekatan Moden dalam Memahami Konsep Akidah", *Jurnal Pengajian Islam Antarabangsa* 2(1), 145-162.
- Fatmawati. (2016). Peran Keluarga terhadap Pembentukan Keperibadian Remaja: Kajian Hubungan Akidah dan Sokongan Keluarga. *Jurnal Pendidikan Islam*, 3(1), 45-60.
- Hassan, S. N. (2022). Pembinaan Spiritual Belia Melalui Pendekatan Akidah. *Jurnal Usuluddin* 1, 1-22.
- Ibrahim, M., & Hamid, K. (2020). Pendidikan Akidah dalam Era Digital. *Jurnal Pendidikan Agama*, 3, 167-182.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2006). Penghayatan akidah dalam kalangan remaja: Satu kajian. Retrieved from <https://www.academia.edu/9952808>
- Mohamad, R., & Ibrahim, N. (2020). Asas-asas Akidah dalam Pembangunan Modal Insan. *Jurnal Usuluddin*, 48(1), 1-22.
- Nor Hartini Saari. (2014). Memperkasa Akidah Umat Islam untuk Mengatasi Gejala Sosial. Portal Rasmi IKIM.
- Rahman, A., & Ismail, K. (2022). Akidah Sebagai Panduan Hidup Muslim Kontemporari. *Islamic Studies Quarterly*, 4(1), 67-85.
- Zakaria, N. A., & Yunus, A. (2021). Inovasi dalam Pengajaran Akidah Era Digital. *Jurnal Pengajian Islam*, 3(1), 112-128.